



“Hallyu ERA bersama Air Asia X”

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA
3.	Nama Peraduan	Hallyu ERA bersama Air Asia X
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Sertai peraduan ini untuk peluang memenangi 1 (satu) keping tiket penerbangan pergi dan balik Kuala Lumpur (KUL) – Korea Selatan (KOR) diantara pada tarikh yang akan diberitahu nanti
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	Untuk menyertai, Peserta harus melayari www.era.je . Setiap minggu (minggu adalah dari Isnin, 12.00 pagi hingga Ahad, 11.50 malam), peserta perlu menjawab soalan yang diberikan dengan betul di laman web tersebut, lengkapkan slogan dan tulis sebab Peserta ingin melawati tempat di Korea dan peserta perlu memilih lokasi yang ingin dilawati di antara Jeju, Busan atau Seoul secara kreatif (tidak melebihi lima puluh (50) patah perkataan). Setiap minggu, seorang pemenang akan memenangi satu (1) keping tiket penerbangan pergi dan balik ke Korea Selatan. Pemenang akan dipilih berdasarkan jawapan yang betul dan slogan yang paling menarik dan akan ditentukan oleh Penganjur dalam budi bicara tunggal dan mutlaknya. Peraduan ini berlangsung selama tiga (5) minggu
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 29 Oktober 2018
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: - a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 29 Oktober 2018
9.	Caj	Tidak dikenakan
10.	Tempoh Peraduan	29 Oktober 2018 hingga 11 November 2018 dan; 19 November 2018 hingga 9 Disember 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Layari www.era.je dan berikan butiran peribadi anda. Jawab soalan yang diberikan di laman web tersebut dengan betul, lengkapkan slogan dan tulis sebab Peserta ingin melawati tempat di Korea dan peserta perlu memilih lokasi yang ingin dilawati di antara Jeju, Busan atau Seoul secara kreatif (tidak melebihi lima puluh (50) patah perkataan).
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	9 Disember 2018, 11.59 malam
14.	Cara Penghantaran	Melalui laman web rasmi era, www.era.je

15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000, Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Satu (1) pemenang akan dipilih setiap minggu berdasarkan jawapan yang betul dan slogan yang paling menarik dan akan ditentukan oleh Penganjur dalam budi bicara tunggal dan mutlaknyanya
17.	Hadiah	Satu (1) keping tiket penerbangan pergi dan balik Kuala Lumpur (KUL) – Korea Selatan (KOR) untuk setiap pemenang diantara tarikh yang akan diberitahu nanti
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Peserta dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi beliau yang dinyatakan di dalam borang peraduan adalah benar dan lengkap.</p> <p>Peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk memproses apa-apa maklumat peribadi beliau dan menyerahkan hak yang sama kepada mana-mana rakan kongsi perniagaan berkaitan yang sedia ada atau yang akan datang atau perikatan strategik dan / atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya yang disifatkannya perlu atau suai manfaat untuk tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan.</p> <p>Pemenang dan individu yang menemaninya haruslah mempunyai passport yang sah untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan tidak mempunyai sebarang masalah dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Sebarang kesulitan adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri. Pihak Air Asia X dan penganjur, tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan yang dialami oleh Pemenang dan individu yang menemaninya sebelum, semasa dan selepas percutian tersebut. Pemenang dan individu yang menemaninya bertanggungjawab untuk apa-apa perbelanjaan untuk percutian tersebut.</p> <p>Pihak Air Asia X dan Penganjur tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan visa untuk Pemenang dan individu yang menemaninya. Pemenang haruslah mendapatkan visa yang sah untuk melawati Korea Selatan dan kos visa akan ditanggung oleh pemenang.</p> <p>Air Asia X dan Penganjur mungkin meminta Pemenang untuk mengemukakan visa yang sah untuk mengesahkan penerbangan. Pihak Air Asia X dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang terlepas penerbangan kerana tidak ada visa yang sah, dan tidak akan bertanggungjawab untuk mengeluarkan semula tiket penerbangan atau meminda tarikh penerbangan sekiranya Pemenang dan individu yang menemaninya terlepas penerbangan.</p> <p>Peserta dengan ini juga mengesahkan bahawa peserta telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma-terma Notis Privasi Astro Radio Sdn Bhd and bersetuju bahawa data peribadi peserta diproses seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi.</p> <p>Keputusan pihak penganjur dan juri adalah muktamad. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual untuk wang tunai.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.